



## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	BERNAMA.COM	SECTION:	BERITA
DATE:	MONDAY, 6 NOVEMBER 2017	PAGE NO.:	1 OF 1
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	PAMERAN PERTAHANAN DSA 2018 DIJANGKA TAMPIL 1,500 SYARIKAT		

The screenshot shows the BERNAMA.com homepage with a red header. The logo 'BERNAMA' is on the left, followed by 'BERNAMA.com' and social media icons for Facebook, Twitter, and Instagram. Below the header are navigation links: TENTANG BERNAMA, AM, POLITIK, EKONOMI, SUKAN, RENCANA, DUNIA, E-NEWSLETTER, WEB TV, ARKIB, INFOGRAFIK. A yellow banner at the bottom left says 'Breaking News / Berita Tergempak'. The main headline 'Pameran Pertahanan DSA 2018 Dijangka Tampil 1,500 Syarikat' is displayed prominently.

## Pameran Pertahanan DSA 2018 Dijangka Tampil 1,500 Syarikat

Tarikh kemaskini: 06/11/2017

BANGKOK, 6 Nov (Bernama) -- Kementerian Pertahanan menjangkakan sebanyak 1,500 syarikat pertahanan dan keselamatan bakal menyertai Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia 2018 (DSA 2018) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur pada 16 hingga 19 April tahun depan.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Mohd Johari Baharum berkata, dengan jangkaan sebanyak 1,500 penyertaan syarikat dalam dan luar itu, ia akan menjadikan DSA 2018 edisi terbaik dalam sejarah 30 tahun pengurusan pameran itu.

"Dengan kira-kira lima bulan sebelum berlangsungnya DSA 2018, pihak pengurusan pameran telah menerima tempahan antara 800 hingga 1,000 syarikat setakat ini. Dengan kerja keras dan komitmen, matlamat menarik penyertaan 1,500 syarikat akan tercapai," katanya hari ini.

Beliau ditemui di pavilion DSA 2018 pada pameran pertahanan terulung Thailand, Defence and Security 2017 yang bermula hari ini hingga Khamis di Pusat Pameran Impact Arena di Muang Thong Thani di sini.

Pameran Defence and Security 2017 itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Thailand Jen Prawit Wongsuwan.

Menurut Johari lagi, edisi DSA 2016 dianggap terbaik dalam sejarah berikutnya kejayaan syarikat pengurusan menarik sebanyak 1,200 syarikat pertahanan dalam dan luar negara.

Pada DSA tahun depan itu, buat pertama kalinya ia akan diadakan di lokasi baru, Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Ia juga akan menampilkan segmen baru, Keselamatan Negara 2018 (NATSEC 2018) khusus bagi pameran berkaitan keselamatan dalam negeri.

Ditanya mengenai hubungan ketenteraan Malaysia dan Thailand, Johari berkata ia sangat baik dan merangkumi pelbagai bidang daripada latihan ketenteraan bersama, pertukaran maklumat, kawalan keselamatan di sempadan bersama dan banyak lagi.

Kini menurutnya, hubungan itu turut melibatkan kerjasama di dalam bidang industri pertahanan sebagaimana dilakukan oleh syarikat Deftech dengan Chaiseri dari Thailand.

-- BERNAMA